

17 NOV 1996

MAHATHIR SELAMAT TIBA DI TANAH AIR SELEPAS DUA MINGGU DI LUAR NEGERI

KUALA LUMPUR, 17 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selamat tiba di tanah air hari ini selepas berada 16 hari di luar negeri melawat beberapa negara di Afrika dan Eropah.

Dr Mahathir, yang diiringi isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, disambut di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berlepas ke Harare, Zimbabwe pada 2 Nov untuk menghadiri sidang kemuncak keenam negara-negara membangun Kumpulan 15 (G-15). Sidang tiga hari itu dihadiri tujuh ketua negara/kerajaan, dua naib presiden, tiga menteri luar dan tiga duta.

Dr Mahathir kemudian berlepas ke Guinea, sebuah negara Afrika Barat, untuk lawatan tiga hari diikuti kunjungan ke Ghana.

Sebelum tiba di Kourou, French Guiana untuk menyaksikan pelancaran Measat-2, satelit kedua Satelit Asia Timur Malaysia, Perdana Menteri melawat dua hari ke Trinidad and Tabago, di Carribean.

Dari Kourou, beliau ke Paris dan mengadakan perbincangan dengan Presiden Perancis Jacques Chirac.

Dr Mahathir juga melawat kilang kereta Lotus di Norfolk, dua minggu selepas Proton memiliki ekuiti majoriti pengeluar kereta British itu.

-- BERNAMA

ES AHH